

# Dampak Kandungan Hiburan Tiktok dan Kepuasan Penggunaannya dalam kalangan Belia

Siti Mardhiyyah Mohd Fauzi  
Wardatul Hayat Adnan\*  
Mohd. Fadly Khamis  
Ireena Nasiha Ibnu  
Nurul Hijja Mazlan

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Emel perhubungan: wardatul@uitm.edu.my\*

## Abstrak

*TikTok telah diperkenalkan kepada dunia media sosial pada September 2016 dan dengan pantas mengambil peranan utama dalam alam perkongsian sosial. Kandungan TikTok sepenuhnya berdasarkan keperluan pengguna, meningkatkan jenis video dan kualiti video yang tinggi, selaras dengan ciri pengguna yang berbeza, dan oleh itu meningkatkan interaksi pengguna terutamanya kandungan hiburan. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji kesan kandungan hiburan terhadap kepuasan pengguna TikTok dalam kalangan belia di Lembah Klang, Malaysia. Penyelidikan ini adalah berdasarkan data kuantitatif yang diperoleh daripada soal selidik tinjauan dalam talian dengan 431 sampel meninjau pengaruh dan kesan kandungan hiburan dan mengedarkan responden di Lembah Klang. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan ujian hipotesis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan korelasi Pearson antara kesan kandungan hiburan TikTok dan kepuasan belia yang signifikan dianggap kukuh dan positif. Dapatan penyelidikan ini mencadangkan agar penyedia kandungan mengutamakan inovasi dan meningkatkan kualiti kandungan seiring dengan konsep kandungan yang dijana pengguna (User Generated Content) dan menawarkan kepelbagaian kandungan kepada khalayak sasaran. TikTok harus melaksanakan sistem pengurusan masa yang akan memberi amaran kepada pengguna jika kadar penggunaan dalam talian telah melebihi tempoh masa tertentu untuk memastikan penggunaan waktu yang wajar dan selamat untuk penggunaannya.*

**Kata kunci:** TikTok, Kesan, Kepuasan Belia, Hiburan, Kandungan, Kesejahteraan, Gaya hidup, Pengaruh